



# KUIM

**BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK  
DAN ANTARABANGSA**

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA  
BATU 28, KUALA SUNGAI BARU  
78200 MELAKA

Tel : 06-387 8420 / 6196 Fak : 06-387 8368

Tarikh : 16 Februari 2021  
4 Rejab 1442H

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

No.Ruj: KUIM/AKA/PENT/16

<b>TAJUK</b>	<b>MAKLUMAN PINDAAN TEMPOH PENGENDALIAN TUGASAN AKHIR DAN PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN</b>
<b>KEPADA</b>	Semua Siswa/i Kolej Universiti Islam Melaka
<b>DARIPADA</b>	Pengarah (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
<b>SALINAN KEPADA</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ YBhg. Datuk Naib Canselor</li> <li>➤ Pendaftar</li> <li>➤ Semua Dekan</li> </ul>

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan keputusan Mesyuarat Senat bil. 1/2021 pada 9 Februari 2021 yang lalu, tempoh 24 jam pelaksanaan tugas akhir bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian adalah **DIPINDA kepada tempoh jam peperiksaan akhir bersamaan tempoh jam SLT bagi penilaian berterusan dan tidak melebihi 12 jam** bermula pada sesi II 2020/ 2021 dan sekiranya pelaksanaan PdP dibuat secara dalam talian.

3. Panduan tempoh jam tugas akhir adalah sebagaimana berikut :

	<b>Peperiksaan Akhir (Jam)</b>	<b>Tugas Akhir (jam)</b>
a	1 jam peperiksaan	3 – 5 jam SLT
b	2 jam peperiksaan	6 – 9 jam SLT
c	3 jam peperiksaan	9 – 11 jam SLT

Contoh : Jika peperiksaan akhir bagi kursus Fiqh Ibadah (SHA 1002) adalah 2 jam, maka tempoh tugas akhir bagi kursus tersebut boleh diadakan sehingga 6 jam.

4. Walau bagaimanapun, bagi kursus bahasa (Inggeris / Arab) atau kursus yang melibatkan pengiraan sepenuhnya, peperiksaan akhir secara dalam talian adalah dibenarkan dan tempoh masa menjawab peperiksaan adalah sebagaimana peperiksaan akhir (*real time*), sama ada 2 jam atau 3 jam sahaja. Semua peperiksaan tersebut adalah wajib dilaksanakan secara serentak dengan pemantauan dari pensyarah kursus dan pihak Dekan fakulti.

5. Sekiranya siswa/i menghadapi masalah capaian internet dalam menyiapkan tugas akhir dan gagal menghantar pada tempoh yang ditetapkan, siswa/i wajib menghantar maklumat masalah tersebut kepada pensyarah dengan mengemukakan bukti. Siswa/i akan dihentikan segera daripada menjawab atau menyiapkan tugas dan dibenarkan mengambil tugas akhir gantian pada masa peperiksaan ulangan (resit).

Perhatian dan tindakan siswa/i di dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.



Sekian.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"  
"WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOOR JEFFRI BIN ABDUL WAHAB)**